

Lapan pelajar terima Anugerah Dekan SSIL 2012

iB 10.10.2012 B3

SERAMAI lapan pelajar cemerlang telah menerima Anugerah Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) Semester 2 Sesi 2011/2012 di Dewan Utama, universiti itu, baru-baru ini.

Mereka ialah dua pelajar Tahun Satu program HC12 Teknologi Multimedia, Hairuni Habibu dan Mansour Hassani Abdalla yang mendapat PNGK 3.50 dan 3.65, tiga pelajar Tahun Dua, Agnesia Jori (3.22), Ibline Hurray Anak Jehien (3.17) dan Khoo Ka Chee (3.63) dan tiga lagi pelajar Tahun Tiga, Hong Gin Theng (3.45), Tang Woon Chee (3.33) dan Sophia Ling Kiang Yung (3.39).

Lima pelajar program E-Dagang HC13 turut menerima anugerah iaitu seorang pelajar Tahun Satu, Shamini A/P Ganasani (3.56), tiga pelajar Tahun Dua, Lim Shi Khi (3.34), Lim Yuh Chan (3.38) dan Chua Xin Yi (3.49) serta pelajar Tahun Tiga, Yap Shin Yi (3.17).

Majlis penyampaian sijil disampaikan oleh Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Dalam ucapannya,



DR Ag Asri (tiga kiri) bersama pelajar cemerlang yang menerima Anugerah Dekan Sesi 2011/2012.



DR AG ASRI

Dr Ag Asri berharap pelajar sekolah itu akan terus belajar dengan lebih bukan sahaja untuk mengekalkan prestasi mereka tetapi juga sebagai galakan kepada pelajar lain.

Katanya, Anugerah Dekan adalah untuk memberi motivasi kepada semua pelajar SSIL untuk berjaya dengan cemerlang bukan sahaja dalam akademik malahan kerjaya selepas menamatkan pengajian kelak.

Turut hadir Timbalan Dekan (Akademik dan HEP) SSIL, Ryan Macdonnel Andrias, Ketua Program E-Dagang, Soffri Yussof dan Ketua Program Multimedia Teknologi, Laura Penny Jack serta pensyarah SSIL.

Selepas majlis itu, pensyarah selaku mentor menemui mentee (pelajar) untuk membincangkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi akademik mereka.